

# Ordinan Piawaian Buruh Seattle 2022

Misi Pejabat Piawaian Buruh (Office of Labor Standards) adalah untuk memajukan piawaian buruh melalui komuniti yang bertimbang rasa dan penglibatan perniagaan, penguatkuasaan strategik dan pembangunan dasar yang inovatif, dengan komitmen kepada keadilan kaum dan sosial.



Poster ini mesti dipaparkan di kawasan yang mudah dilihat di tempat kerja, dalam bahasa Inggeris dan bahasa pertuturan para pekerja.

Pejabat Piawaian Buruh (Office of Labor Standards) menyediakan terjemahan, tafsiran dan penginapan untuk orang kurang upaya.

## Gaji Minimum

### MENETAPKAN GAJI MINIMUM UNTUK PEKERJA

#### Majikan Yang Besar (501 ORANG PEKERJA ATAU LEBIH)

**\$17.27**  
SEJAM

**Saiz Majikan**  
Hitung jumlah semua pekerja majikan di seluruh dunia. Untuk francais, hitung semua pekerja dalam rangkaian francais.

**Faedah Perubatan - Majikan Kecil**  
Untuk membayar kadar sejam yang lebih rendah, bayaran majikan kecil mestilah untuk pelan faedah perubatan tahap perak atau lebih tinggi sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Penjagaan Mampu persekutuan.

» Majikan kecil tidak boleh membayar kadar yang lebih rendah jika pekerja menolak atau tidak layak mendapat faedah perubatan.

#### Majikan yang Kecil (500 ORANG PEKERJA ATAU KURANG)

Adakah majikan membayar sekurang-kurangnya \$1.52 sejam ke atas faedah perubatan pekerja individu dan/atau adakah pekerja mendapat tip sekurang-kurangnya \$1.52 sejam?

**TIDAK**  
**\$17.27**  
SEJAM

**YA**  
**\$15.75**  
SEJAM

## Tempoh Sakit & Selamat Berbayar

### MEMERLUKAN CUTI BERBAYAR UNTUK MASALAH PERUBATAN ATAU KESELAMATAN

Majikan mesti menyediakan pekerja mereka dengan cuti berbayar untuk menjaga diri mereka atau ahli keluarga.  
(Anak, Ibu Bapa, Isteri/Suami, Pasangan Domestik Berdaftar, Datuk/Nenek, Cucu, Saudara Kandung)

**Tempoh Sakit:** Keadaan kesihatan fizikal atau mental, termasuk janji temu perubatan

**Tempoh Selamat:** Sebab-sebab yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga, serangan seksual, menghendap atau isu kesihatan awam\*

#### Kadar Tempoh Sakit & Selamat Berbayar (PSST)

	PERINGKAT 1	PERINGKAT 2	PERINGKAT 3
<b>Saiz Majikan</b> PEKERJA SEPENUH MASA YANG BERSAMAAN PEKERJA (FTE) SELURUH DUNIA	<b>Sehingga 49</b> FTE	<b>50 - 249</b> FTEs	<b>250+</b> FTEs
<b>Akruan PSST</b> SETIAP JAM BEKERJA	<b>1 jam</b> SETIAP 40 JAM	<b>1 jam</b> SETIAP 40 JAM	<b>1 jam</b> SETIAP 30 JAM
<b>PSST tidak digunakan di bawah ke hadapan</b> SETAHUN	<b>40 jam</b>	<b>56 jam</b>	<b>72 jam**</b>

\*TEMPOH SELAMAT JUGA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENJAGA AHLI ISI RUMAH

\*\*108 JAM UNTUK MAJIKAN PERINGKAT 3 DENGAN DASAR WAKTU CUTI BERBAYAR (PTO)

## Peluang Pekerjaan Yang Adil

### HAD PENGGUNAAN REKOD SABITAN DAN PENAHANAN

#### Dilarang:

- Iklan kerja yang mengecualikan pemohon yang mempunyai rekod sabitan atau penahanan
- Permohonan pekerjaan dengan soalan tentang rekod sabitan atau penahanan, kecuali majikan telah menyaring pemohon untuk kelayakan minimum
- Penafian kerja (atau lain-lain tindakan pekerjaan yang tidak sesuai) dengan hanya berdasarkan rekod penahanan

**Sesetengah pengecualian terpakai, termasuk pekerjaan tanpa penyeliaan yang berkaitan dengan kanak-kanak di bawah 16 tahun, orang yang cacat pertumbuhan, atau orang dewasa yang mudah terdedah kepada ancaman**

#### Majikan dikehendaki:

Menungguhkan pemeriksaan latar belakang jenayah sehingga selepas menyaring pemohon untuk kelayakan minimum

Mengikuti prosedur sebelum mengambil tindakan yang tidak sesuai dengan hanya berdasarkan pemeriksaan latar belakang jenayah:

- » Memberi peluang untuk menjelaskan atau membetulkan maklumat pemeriksaan latar belakang jenayah
- » Membiarkan jawatan tersebut terbuka sekurang-kurangnya untuk dua hari bekerja
- » Mempunyai alasan perniagaan yang sah jika mengambil orang itu bekerja akan memudaratkan perniagaan atau mejejaskan keupayaan pekerja untuk melaksanakan tugas

## Kecurian Gaji

### MENYEDIKAN PERLINDUNGAN TERHADAP KECURIAN GAJI

Majikan mestilah membayar semua pampasan yang harus dibayar pada hari gaji yang tetap dan memberikan pekerja maklumat bertulis tentang kerja dan upah mereka.

#### Maklumat bertulis mestilah termasuk:

- Nama majikan dan maklumat hubungan
- Kadar gaji pekerja, kelayakan untuk mendapatkan upah kerja lebih masa, bentuk upah (jam, syif, hari, minggu, komisen), dan hari gaji yang tetap
- Penjelasan tentang dasar tip majikan
- Maklumat penyata gaji terperinci pada hari-hari yang dibayar

#### Contoh keperluan pembayaran:

- Membayar gaji minimum
- Membayar kerja lebih masa
- Membayar untuk waktu rehat
- Membayar jumlah yang dijanjikan
- Membayar untuk kerja di luar waktu kerja
- Membayar tip
- Membayar caj perkhidmatan (kecuali jika disenaraikan pada resit atau menu sebagai tidak dibayar kepada pekerja yang melayani pelanggan)
- Membayar balik perbelanjaan majikan
- Tiada kesilapan klasifikasi pekerja

## Manfaat Pekerja Berulang-alik

Majikan yang mempunyai 20 orang pekerja atau lebih mestilah menawarkan keupayaan memotong perbelanjaan transit atau berkongsi van daripada upah boleh cukai kepada pekerja yang bekerja sepuluh jam seminggu atau lebih secara purata, sehingga ke tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang cukai persekutuan. Untuk memenuhi keperluan ini, majikan sebaliknya boleh menyediakan pas transit yang diberi subsidi penuh atau sebahagian. Majikan mestilah menawarkan faedah ini dalam tempoh 60 hari kalendar dari tarikh mula pekerja tersebut.

## Contact

#### Pekerja

Failkan aduan kepada OLS atau failkan tuntutan mahkamah di mahkamah

#### Majikan

Dapatkan bantuan pematuhan dan/atau menerima latihan

**206-256-5297**

[www.seattle.gov/laborstandards](http://www.seattle.gov/laborstandards)

810 THIRD AVE, SUITE 375  
SEATTLE, WA 98104

OPERASI: 8 PG-5 PTG (ISN-JUM)  
LABORSTANDARDS@SEATTLE.GOV